



JABATAN KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 23,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR),
PETI SURAT 3007
10990 PULAU PINANG
TEL : 604-262 3505 (PEJABAT AM)
FAKS : 604-263 0725
604-261 4399



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT. NOT. : AR 5381

Ruj Kami : JKNPP.100-4/1/2 Jld 2 (43)
Tarikh : Jun 2026

**Ketua Jabatan
Negeri Pulau Pinang**

YB Dato' Seri/YB Dato'/Sahibus Samahah/YAA/YBhg. Dato'/Dr./Ir./Tuan/Puan,

PELAPORAN AKAUN BELUM TERIMA (ABT)

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan WP10.6 - Pengurusan Akaun Belum Terima (ABT), ABT ditakrifkan sebagai amaun yang sepatutnya diterima tetapi belum diterima oleh Kerajaan yang wujud daripada peristiwa lampau (*past event*) berasaskan kepada bil atau melalui dasar, perjanjian atau keputusan Kerajaan yang berkuat kuasa. Bil merangkumi invois, surat, memo, pentaksiran atau notis lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan. Tunggakan (*overdue*) adalah amaun ABT yang belum diterima melampaui tempoh yang telah ditetapkan.

3. Kategori ABT terdiri daripada:

3.1 ABT Daripada Pinjaman dan Pendahuluan

ABT Daripada Pinjaman kepada Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Koperasi, Syarikat, Pelbagai Agensi dan Perseorangan.

3.2 Pelbagai ABT

a) ABT Hasil

ABT yang berpunca daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan pelbagai terimaan yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan.

b) ABT Hutang-hutang Lain

i. Tuntutan kepada Pegawai Awam seperti emolumen terlebih bayar, kehilangan wang tunai atau perbezaan pungutan wang tunai yang akan diperolehi daripada pegawai yang bertanggungjawab dan hukuman surcaj yang sepatutnya telah dipungut oleh Kerajaan;

ii. Tuntutan ke atas pihak ketiga seperti tuntutan bayaran, denda dan ganti rugi;

iii. Bagi kes mahkamah yang masih dalam proses perbicaraan, jumlah tuntutan hendaklah dimasukkan dalam jumlah ABT; dan

iv. ABT Sewaan Kuarters Kerajaan.

c) ABT Faedah Pinjaman Boleh Dituntut

Faedah Pinjaman boleh dituntut yang dilaporkan sebagai ABT adalah faedah tertunggak sahaja.

3.3 ABT Wang Pendahuluan Kontraktor

Merupakan tuntutan kepada kontraktor bagi mendapatkan semula Wang Pendahuluan Kontraktor (WPK) sekiranya berlaku projek sakit.

4. Jabatan yang mempunyai ABT hendaklah menyelenggara rekod ABT dengan lengkap, tepat dan sentiasa dikemas kini bagi memastikan kedudukan ABT dapat dipantau serta tindakan kutipan dan tuntutan ke atas tunggakan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Rekod tersebut hendaklah dapat membezakan antara ABT dan tunggakan serta disokong dengan rekod kawalan dan rekod subsidiari yang berkaitan.

5. Pelaporan ABT hendaklah mengikut kategori yang ditetapkan melalui borang ABT-1 hingga ABT-1e seperti yang ditetapkan Pekeliling Perbendaharaan WP10.6. Sehubungan dengan itu, kerjasama YB Dato' Seri/YB Dato'/Sahibus Samahah/YAA/YBhg. Dato'/Dr./Ir./Tuan/Puan adalah dipohon untuk memastikan pelaporan ABT yang dikemukakan bagi tempoh seperti pada 30 Jun dan 31 Disember setiap tahun adalah lengkap, tepat dan menyeluruh bagi menjamin ketepatan dan kebolehpercayaan amaun ABT yang dilaporkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,



(MASNI ARYANTI BINTI MOHAMED AMIN C.A.(M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang

☎ : 04-2623505 samb.105

✉ : masni.aryanti@penang.gov.my

e.d.

Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang

Unit Hasil,
Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang